

Kerajaan tetap yakin menang pilihan raya umum

UM 30 JUL 2002

PUTRAJAYA 29 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tetap yakin akan memenangi pilihan raya umum akan datang dan tidak perlu menggunakan isu-isu tertentu untuk meraih sokongan rakyat terutama kakitangan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan percaya kakitangan awam tidak akan melupakan jasa dan budi kerajaan kepada mereka selama ini.

"Kakitangan kerajaan tak akan lupa jasa. Tidak macam sesetengah orang yang diajar supaya tidak berterima kasih.

"Dapat apa pun, gigit tangan orang yang beri," katanya kepada pemberita selepas mengumumkan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) untuk kakitangan awam di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kemungkinan pihak-pihak tertentu akan menuduh kerajaan memperkenalkan SSM untuk meraih undi dan mungkin akan mengadakan pilihan raya dalam waktu terdekat ini.

SSM yang akan dilaksanakan mulai 1 November ini, akan menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1992.

Sistem baru itu dilihat jauh lebih baik daripada SSB terutama dari segi peluang kenaikan gaji yang lebih adil dan peningkatan kerjaya kakitangan awam kerana ia berteraskan kecekapan dan kemahiran seseorang kakitangan.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak memerlukan apa-apa isu untuk menghadapi pilihan raya kerana keadaan semasa sedang memihak kepada kerajaan.

"Semua perkara boleh membantu (untuk menang). Kita percaya kita masih boleh menang. Jadi, jangan gopoh-gapah," katanya.

Malah, katanya, mungkin pada masa depan, keadaan menjadi lebih baik daripada sekarang dan peluang Barisan Nasional (BN) untuk menang semakin cerah.